

Alumni UMS Chapter Putrajaya Bakal Tubuhkan Koperasi

Terakhir dikemaskini: Selasa, 21 Ogos 2018 17:48 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 41

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


SELASA, 21 OGOS -
Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) Chapter Putrajaya mengadakan Protem Jawatankuasa Penubuhan Koperasi Alumni UMS Semenanjung di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Presiden Alumni UMS Chapter Putrajaya,

Mohamad Farizal Mohamad Shawal, berkata program itu bagi membincangkan lanjut mengenai cadangan penubuhan Koperasi Alumni UMS Semenanjung bersama pihak pengurusan UMS.

“Saya berpendapat koperasi ini mempunyai signifikan yang tinggi terhadap semua ahli alumni UMS yang ada di sini (Semenanjung).

“Sebagai gambaran awal, penubuhan koperasi ini merupakan satu platform untuk menjana dana dan pendapatan bagi membiayai aktiviti kebajikan alumni selain dari memberi manfaat kepada ahli-ahlinya,” katanya ketika ditemui pada majlis tersebut.

Pertemuan itu turut diadakan sempena majlis perpisahan bersama mantan Pengurus Lembaga Pengarah UMS Tun Zaki Tun Azmi.

Farizal berkata, sepanjang Tun Zaki menjadi Pengurus Lembaga Pengarah, beliau sentiasa memberi sokongan padu serta dorongan dan bantuan kepada alumni-alumni UMS.

“Sehubungan itu majlis ini juga bertujuan meraikan beliau sebagai tanda terima kasih atas segala nasihat dan bimbingan kepada kami selama ini,” jelasnya.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Dr. Ismail Ali dan Pengarah Pusat Alumni UMS, Darwis Awang.